

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

SOALAN : 489

Tuan Wong Chen [Subang] minta **Perdana Menteri** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju untuk menukar cuti bersalin kepada cuti ibu bapa yang mana cuti 90 hari boleh dikongsi di antara suami dan isteri yang bekerja di sektor awam.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan Cuti Bersalin diberikan kepada pegawai perkhidmatan awam wanita supaya pegawai berkenaan bersedia dan dapat pulih sepenuhnya selepas bersalin. Tempoh Cuti Bersalin yang layak dinikmati oleh pegawai perkhidmatan awam wanita adalah selama 360 hari maksimum dan pegawai diberi fleksibiliti menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin bergaji penuh yang ingin diambil bagi setiap kelahiran iaitu di antara 60 hari sehingga 90 hari.

Berdasarkan prinsip pemberian Cuti Bersalin yang diperjelaskan di atas, Kerajaan berpandangan bahawa cadangan untuk menukar Cuti Bersalin kepada cuti ibu bapa yang boleh dikongsi antara suami dan isteri yang bekerja di sektor awam adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.